

# Mangsa bom desak hapus senjata nuklear

BH-7/2/2007  
**S**EORANG mangsa serangan bom atom Hiroshima, Dr Shoji Sawada mendesak supaya senjata nuklear tidak lagi digunakan bagi apa jua tujuan atau alasan dan di mana-mana sekalipun.

Beliau yang terselamat daripada serangan bom atom di Hiroshima dan Nagasaki pada 1945 itu berkata, penggunaan senjata nuklear adalah bentuk jenayah paling kejam dalam sejarah manusia.

Sawada yang juga aktivis antinuklear berkata, pada akhir 1945 saja, sehingga 150,000 orang terbunuh di Hiroshima dan 70,000 orang menjadi korban di Nagasaki akibat bom atom yang digugurkan di dua bandar itu.

Katanya, kebanyakan yang terbunuh itu pula adalah orang awam, terutama kanak-kanak, wanita dan warga tua.

"Kebanyakan yang terselamat pula secara berterusan mengalami kesengsaraan kesan radiasi sehingga ke saat ini, iaitu 62 tahun selepas pengeboman itu.

"Dua kesan radiasi utama ialah sinaran gamma dan neutron yang dihamburkan dalam satu minit selepas bom digugurkan serta sisa radiasi yang terus wujud dalam jangka panjang yang memberi kesan buruk apabila terdedah kepadanya," katanya.

Menceritakan pengalamannya ketika bom atom digugurkan di Hiroshima, Sawada yang ketika itu berusia 13 tahun, berkata beliau tidak sihat dan tidur di rumahnya yang terletak kira-kira 1.4 kilometer dari tempat bom itu meledak.

"Saya terkejut melihat seluruh Hiroshima menjadi padang jarak padang terkukur. Pada ketika itu, saya mendengar sayup-sayup nama dipanggil ibu saya.

"Suara itu datang dari arah bawah tempat saya berdiri. Saya mengalih runtunan papan dan batu, dan suara itu dapat saya dengar lebih jelas. Dia tidak dapat bergerak dan saya pula tidak dapat mengalihkan tiang menghempapnya.

"Saya bertanya kepada ibu apakah gempa bumi berlaku dan ibu berkata, bom meletup berhampiran rumah kita," katanya.

awam dengan percuma di tengah  
"Kami ibarat membuka tandas  
pah penyelenggara tandas tetap.  
-ngusaha restoran mampu mengu-  
-paya sentiasa bersih kerana pe-  
-berkenaan dapat dipastikan su-  
-ngenakan caj tandas, kemudahan  
-katanya, mungkin selepas me-